

*“Usiamu hanyalah satu tarikan nafas. Berjuanglah agar ia berguna untukmu, tidak mencelakakanmu.” Sayyidi*

*Shaykh Abu Madyan al-Ghawth*

Mereka berjalan di sebuah kota yang bergerak pantas menuju puncak kemajuan. Kemajuan yang mereka kejar ialah kemajuan yang definisinya telah ditulis oleh mereka yang jauh daripada wahyu yang berasal daripada Pencipta bumi dan langit. Kemajuan yang mereka kejar ialah kemajuan berdasarkan pandangan mereka yang sebenarnya tidak mengerti apakah sebenarnya kemajuan lalu memaksa akal dan nafsu mereka mencipta makna kemajuan untuk mengisi kekosongan hidup mereka agar ia kelihatan lebih bermakna. Kemajuan di sisi mereka ialah kemajuan yang sepi daripada Tuhan kerana dalam pandangan minda mereka, hidup bertuhan itu menghalang mereka daripada mencapai kemajuan.

Mereka selesa memakai kacamata berwarna yang melihat alam ini dengan warna yang menghalang pandangan mereka daripada melihat hakikat alam ini seadanya. Terlalu ramai yang memakai kacamata tersebut lalu menganggap kemajuan seperti apa yang ditanggapi oleh mereka yang jauh daripada wahyu. Engkau juga berjalan-jalan di kota yang bergerak pantas menuju puncak kemajuan ini. Entah kemajuan yang mereka kejar itu untuk siapa dan demi apa. Engkau juga tidak tahu. Mungkin mereka juga tidak tahu.

Engkau menghela nafas lalu melepaskannya. Di kota ini ramai yang sudah terlupa mengenai nafas. Ramai yang sudah lupa untuk bernafas seperti seorang manusia. Mereka sudah terlupa mengenai nafas kehidupan. Engkau berjalan di kota itu dengan gerak yang perlahan, menghayati setiap pandangan dan menikmati setiap hirup udara. Mereka memandangi wajah engkau dengan penuh kehairanan. Engkau juga memandangi wajah mereka dengan penuh kehairanan.

- Mengapa engkau terlalu santai di dalam kota yang serba cepat ini. Bagaimana nanti engkau mahu sampai ke puncak kemajuan?

+ Aku sedang menghirup nafas kehidupan di dalam kota yang serba cepat ini. Kemajuan kamu dan kemajuan aku berbeza dan hidup kamu dan hidup aku berbeza. Mengapa pula engkau memaksa-maksa pandangan engkau mengenai kemajuan terhadapku? Apa hak engkau untuk menentukan perjalanan hidupku?

Mereka terkesima, tersentak dengan jawapan engkau kerana tidak pernah ada seseorang pun yang mempersoalkan mereka. Sesiapa yang diherdik mereka akan menuruti mereka seperti seorang hamba yang menuruti kata-kata tuannya setelah dimarahi. Mereka menjadi tuan dan mereka jugalah menjadi hamba, terjerat di dalam satu rantai kekeliruan yang tidak dapat dan tidak mahu dilepaskan kerana terlalu selesa terjerat di dalam rantai tersebut. Di dalam pandangan minda mereka, bergerak di dalam rantai kekeliruan itulah kebebasan. Kebebasan yang mereka laung-laungkan ialah kebebasan di dalam sebuah rantai kekeliruan. Engkau tertawa kecil tatkala berfikir mengenai keadaan mereka.

Langkah kaki engkau teratur dan tidak tergesa-gesa. Di kota ini, mereka sudah gemar berjalan dengan langkah terburu-buru. Fikiran mereka sudah mati dan mereka juga diajar cara untuk berfikir. Di balik wajah-wajah yang engkau lihat, pemikiran mereka serupa kerana mereka diajar berfikir dengan cara yang serupa. Mereka

yang berfikir dengan cara yang berbeza akan dianggap sebagai gila lalu disisihkan daripada rakyat kota itu. Engkaulah di antara mereka yang terpilih sebagai manusia yang digelar gila di kota yang serba cepat itu. Mereka sudah terbiasa dengan kegilaan mereka sehingga kegilaan itu dianggap biasa. Orang yang gila tidak akan fikir diri mereka gila tetapi akan menganggap mereka yang berbeza daripada mereka itu gila. Engkau bertanya kembali kepada mereka, "Siapakah yang gila?"

Engkau menghela nafas lalu melepaskannya. Kata para ahli hikmah, jalan menuju Tuhan itu sebanyak bilangan nafas manusia. Ada juga yang mengatakan bahawa jalan menuju Tuhan itu sebanyak bilangan makhluk yang dicipta Tuhan. Namun, berapa ramaikah yang sebenarnya berjalan di jalan menuju Tuhan sedang ramai yang berjalan menuju puncak kemajuan yang datang daripada khayalan manusia-manusia yang terpisah daripada warisan ilmu para nabi dan rasul. Engkau tertanya-tanya. Mereka pun mula berbicara.

- Kami juga jalan kepada Tuhan. Kami tidak tinggalkan solat. Kami bekerja lalu kumpul wang untuk pergi haji. Sekali-sekala, kami hadir majlis di masjid-masjid.

+ Bagaimana mungkin kamu katakana kamu jalan menuju Tuhan seandainya dunia masih menjadi buruanmu dan puncak kemajuan yang kamu kejar itu tidak mahu kamu lepaskan?

- Itu yang kamu tak faham. Kamu tidak tahu imbangi antara dunia dan akhirat. Dunia dan akhirat itu perlu dikejar bersama. Kami lalukan ibadah yang perlu kami lakukan. Kami juga perlu kejar kemajuan. Kami tidak boleh ketinggalan dalam menuju puncak kemajuan. Kami tidak boleh dianggap lemah.

+ Mengapa kamu terlalu hiraukan kata-kata mereka yang mengatakan kamu lemah seandainya kamu tidak mengejar dan turut menyembah berhala kemajuan mereka? Bukankah kehidupan kami dan mereka tidak serupa?

- Itulah. Kami sudah katakan. Kamu ini sudah gila. Kamu tak faham apa yang kami katakan. Kami perlu menuju puncak kemajuan itu. Kami tidak mempunyai masa.

+ Kemajuan apa yang kamu maksudkan sekiranya solat maghribmu tadi masih sama dengan solat maghribmu sepuluh tahun dahulu?

- Solat? Kami sudah solat. Kemajuan apa dalam solat? Kami sudah lakukan semua rukun-rukun solat beserta sunnahnya.

+ Bagaimana pula dengan ihsan?

- Insan?

+ Ya, ihsan.

- Apa itu?

+ Ihsan.

- Kami tak tahu.

+ Bagaimana mungkin kamu tak tahu?

- Benar, kami tak tahu.

+ Ihsan itu ialah beribadah seolah-olah kamu melihat Allah dan sekiranya kamu tidak mampu, ketahuilah bahawa Allah melihat kamu.

- Apakah itu daripada hadith yang sahih? Daripada mana kamu petik hadith ini? Mengapa kami tidak pernah dengar hadith ini?"

+ Mungkin kamu terlalu sibuk dengan mengejar puncak kemajuan sehingga terlupa hadith penting ini.

- Jadi apa maksud melihat Allah? Bagaimana kamu mahu melihat Allah dalam ibadah? Bukankah solat itu sekadar takbir, rukun-rukun lain dan berakhir dengan salam?

+ Bukan tugas aku untuk beritahu apa maksudnya. Yang aku tahu kamu belum lagi beribadah sebenarnya kepada Allah. Jadi janganlah kamu kata kamu ini berjalan menuju Allah sedang solat kamu tidak diperbaiki daripada hari ke hari. Kata-katamu itu hanya kosong semata-mata. Kamu hanya berjalan di jalan yang mencelakakanmu.

- Kami tak faham apa yang kamu maksudkan. Ah, tak perlu kami dengar kata-kata orang gila seperti kamu. Kami sedang menuju puncak kemajuan. Apa kamu tahu tentang kemajuan? Memang sah kamu ini sudah gila.

Mereka berjalan terus tanpa memberi salam. Engkau hanya terpaku, tidak tahu hendak mengata apa dan juga merasa apa kerana kemajuan yang mereka kejar itu telah merantai diri mereka sendiri. Namun, dalam rantai itulah mereka sangka terdapat kebebasan sedangkan di dalam rantai itulah mereka dijerat khayalan dan nafsu mereka sendiri. Engkau terus berjalan. Jalanmu juga menuju ke puncak kemajuan. Namun, puncak kemajuan yang engkau tuju bukanlah sama seperti puncak kemajuan mereka.

Menurut sebuah kitab oleh seorang shaykh yang pernah engkau baca, mereka yang solatnya tidak disertai dengan ihsan, solatnya belum lagi sempurna. Di kota ini pula, sebahagian yang menganggap kitab sebegitu khurafat. Sebahagian pula menganggap kitab sebegitu sekadar helaian-helaian kertas yang sudah tidak mempunyai makna buat kehidupan yang serba cepat ini. Sebahagian pula menganggap kitab tersebut buat tatapan dan bacaan sahaja tetapi bukan untuk dijadikan sandaran dan amalan. Sebahagian pula sibuk berbicara mengenai isi kitab tersebut berdasarkan nafsu mereka tanpa memahami kata-kata yang tertulis di atas helaian kertas itu. Menyisihkan kitab-kitab sebegini daripada panduan kehidupan hanya mencampakkan diri mereka ke dalam lembah kecelakaan kerana kitab sebeginilah yang mengajar cara untuk bernafas.

Engkau menghela nafas dan melepaskannya di waktu ramai manusia yang engkau ketemui sudah tidak tahu bernafas dan sudah tidak mahu bernafas. Engkau berjalan lagi di kota yang serba cepat ini walaupun tiada yang menghiraukan apa yang engkau katakan dan menganggap engkau gila kerana cara engkau hidup dan berjalan berbeza daripada mereka. Tidak mungkin engkau hidup seperti mereka yang sudah tidak tahu cara bernafas.

Menurut para ahli hikmah, tujuan kehidupan ini ialah untuk mengenal Allah. Setiap saat Tuhan berbicara bersama makhlukNya dan memperkenalkan diriNya kepada makhlukNya melalui setiap gerak yang berlaku di

bumi ini. Hanya manusia sahaja yang tidak mendengar dan tidak melihat kerana kelalaian dan kelemahan kami. Hanya kami sahaja yang terlupa mengenai Tuhan dalam ketergesaan kami menuju puncak kemajuan. Di kota ini, mereka sudah tidak tahu apakah itu tujuan kehidupan. Mereka tergesa-gesa ke pejabat dan tergesa-gesa pulang ke rumah agar mereka sempat menonton rancangan televisyen kegemaran mereka.

- Kami juga hidup bertujuan untuk Allah.

+ Tapi itu tak dapat aku lihat dalam gerak kehidupan kamu.

- Itu bukan masalah kami. Itu masalah engkau yang tak dapat melihat. Kami masih lakukan ibadah dan ingin ke syurga.

+ Bagaimana mungkin kamu boleh katakan hidup kamu itu bertujuan untuk Allah sedangkan hampir setiap waktu kamu menuju kepada selain Allah.

- Itu yang kami sudah cakap. Engkau tak faham. Engkau tak tahu hidup sederhana.

+ Kamu yang tak faham apakah itu sebenarnya kehidupan!

- Engkau yang tak faham. Lihat sahaja kami. Ada rumah. Ada kereta. Hidup kami tenang. Tidak ada apa-apa yang kami bimbangkan.

+ Hidup aku juga tenang walaupun tanpa kemewahan kerana ketenangan itu adalah dengan sentiasa mengingati Allah dan ketidakbimbangan itu adalah dengan sentiasa percaya dengan qada' dan qadarnya.

- Haha. Engkau hanya katakan begitu kerana engkau tidak dapat capai apa yang telah kami capai.

Engkau berhenti berbicara bersama mereka. Apa sahaja yang engkau katakan tidak masuk ke dalam hati mereka kerana mereka sudah terbiasa berada dalam gelita sehingga mereka menyangkakan bahawa kegelapan itulah cahaya. Engkau terus berjalan dengan langkah yang sederhana, tidak terlalu tergesa-gesa dan tidak terlalu lewat. Di kota yang serba cepat itu, wajah-wajah yang engkau lihat seolah-olah mengalami satu penyakit yang tidak dapat diubati oleh para doktor di hospital.

Selang beberapa hari, ada sahaja yang ingin membunuh diri. Betapa ramainya mereka yang menghadapi sakit mental sehingga mengambil ubat-ubatan bagi menghadapi penyakit tersebut. Sebenarnya, mereka yang menuduh engkau gila ialah mereka yang mengambil ubat di hospital gila. Kota serba cepat ini sebenarnya didiami oleh ramai orang yang sakit. Walaupun engkau bukan seorang doktor, engkau mempunyai ubat bagi sakit mereka seandainya mereka ingin mendengar kata-kata engkau kerana pada suatu ketika dahulu, engkau juga pernah sakit dan telah diubati.

Engkau menghela nafas panjang lalu melepaskannya. Ubat bagi segala penyakit gila yang menghantui penduduk kota ini adalah dengan melupakan syahwat. Kata para ahli hikmah, kehidupan ini hanyalah sesingkat satu tarikan nafas. Semalam telah berlalu dan esok belum tentu tiba. Apa yang dimiliki hanyalah satu tarikan nafas ini. Bagaimana mungkin kita mempunyai waktu untuk melayan nafsu kami sedang tujuan kami diciptakan adalah untuk bersujud kepada Tuhan yang mencipta segala-galanya? Engkau memandang wajah-wajah

manusia di kota ini dengan penuh kehairanan. Dengan satu tarikan nafas yang dikurniakan, mereka menyia-nyiakannya lalu tidak bernafas dengan sebenar-benarnya dengan nafas kehidupan seorang manusia.

Engkau berjalan lagi. Di jalan yang engkau sedang berjalan ini tiada perhentian. Engkau terus jalan dan berjalan tanpa berasa lelah atau penat kerana segala daya dan kekuatan datang daripadaNya jua dan bukan datang daripada diri engkau sendiri. Engkau berjalan lagi sambil tengingatkan ayat daripada surah al-Fatihah yang menjadi ucapan mereka yang bersolat, "Hanya kepadaMu aku menyembah dan hanya kepadaMu aku meminta." Betapa penduduk kota ini yang tidak meninggalkan solat mereka juga tidak memahami maksud ayat ini dan ia sekadar menjadi ucapan di mulut sahaja. Betapa mereka masih lagi asyik dengan apa-apa sahaja selain Allah dan hati mereka menghadap kepada selain Allah. Betapa penduduk kota ini lebih senang dengan falsafah-falsafah barat yang songsang sehingga ia mempengaruhi cara hidup mereka sehingga hakikat menjadi hamba kepada Tuhan dengan sebenar-benarnya disisihkan daripada kehidupan mereka. Nafas mereka turut menjadi songsang dengan kesongsangan falsafah kehidupan barat.

Engkau berjalan dan berjalan. Di kota yang bergerak serba cepat ini engkau terasing dan sepi. Namun, melalui kesepian ini, engkau tidak disibukkan dengan perkara-perkara yang tidak membawa apa-apa manfaat dalam perjalanan engkau menuju Tuhan. Kesepian inilah yang mengizinkan engkau sentiasa berbicara bersama Tuhan dan sentiasa mendengar Tuhan berbicara kepada engkau dalam setiap saat. Mereka terus bersenggama dengan khayalan-khayalan mereka yang pastinya akan lenyap dan musnah pada suatu hari nanti sedang engkau hanya menyibukkan diri dengan Tuhan yang tidak akan lenyap. Sesekali, mereka datang mengunjungi engkau lalu menyindir-nyindir engkau tetapi itu hanyalah kerana ketidakfahaman mereka terhadap perjalanan engkau.

*La ilaha ilallah.*

*Tiada yang disembah selain Allah.*

*La ilaha ilallah.*

*Tiada yang dituju selain Allah.*

*La ilaha ilallah.*

*Tiada yang wujud selain Allah.*

Kata-kata tersebut berulang-ulang di minda engkau, tanpa henti. Mereka datang. Mereka pergi. Kata-kata itu pula masih terngiang-ngiang di telinga engkau, tidak mahu pergi. Engkau menghela nafas lalu melepaskannya. Tadi, setelah engkau bangun daripada tidur dan melakukan solat subuh, engkau keluar daripada rumah engkau lalu berjalan di kota yang serba cepat itu. Setelah tiba di perhentian bas, engkau menunggu bas dengan sabar sambil melihat mereka di sekeliling engkau. Tiba-tiba, bau yang kuat menghinggapi hidung engkau, memaksa engkau menggunakan tangan engkau untuk menutup hidung engkau. Engkau memandang sekeliling untuk melihat dari mana bau itu datang. Engkau mencari-cari lagi. Yang menghairankan,

kelihatannya seperti hanya engkau sahaja yang dihindangi bau tersebut. Engkau bertanya mereka mengenai bau tersebut.

- + Kamu ada bau tak? Bau ini kuat sekali.
- Bau? Bau apa? Ini bau biasa sahaja.
- + Biasa? Bukan, ini bau yang busuk sekali. Baunya seperti bau mayat.
- Itu bau biasa.
- + Bagaimana mungkin bau mayat itu bau biasa?
- Itu memang bau biasa. Semua di sini ialah mayat.
- + Apa? Semua di sini ialah mayat?
- Ya, nafas kami telah direnggut oleh nafsu kami sendiri.
- + Jadi kamu memang mayat?
- Ya, kami memang mayat.
- + Kamu tidak mahu hidup seperti manusia?
- Kami selesa hidup sebagai mayat.

Engkau berlari dari perhentian bas kerana tidak dapat tahan bau yang terlalu busuk itu. Engkau beristighfar di dalam hati. Benarlah pandangan engkau bahawa penduduk kota yang menuju puncak kemajuan ini sudah tidak bernafas dan tidak tahu cara bernafas seperti seorang manusia. Engkau termenung lalu tenggelam dalam tafakkurmu sendiri. Engkau menghela nafas panjang lalu melepaskannya sambil menghadapkan hatimu hanya kepadaNya.

*“Jika engkau tidak meminta bantuan Allah untuk melawan dirimu, engkau pasti kalah.” Sayyidi Shaykh Abu*

*Madyan al-Ghawth*